

Puasa, Nuzul al-Qur’ān, Zakat Fitrāh dan Sembahyang Hari Raya

Dalam bulan Ramaḍān tahun dua Hijrah, Tuhan telah menurunkan al-Qur’ān sūrat al-Baqarah ayat 183 sampai ayat 186 mengandungi empat ayat yang ertinya memperkatakan empat soal yang besar yang ditetapkan Tuhan bagi membentuk suatu masyarakat yang sangat kuat, supaya dapat memelihara umat Islam sepanjang sejarah daripada sebarang bahaya yang mungkin merosakkannya, yang tiba dari dalam mahupun dari luar. Keempat-empat ayat itu adalah seperti yang tersebut di bawah ini:

(Maksudnya): “Hai orang-orang yang beriman!

Diwajibkan puasa atas kamu sebagaimana yang diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu terpelihara daripada kejahatan.” (183)

“(Iaitu) beberapa hari yang tertentu (bulan Ramaḍān) tetapi barang siapa dari antara kamu sakit atau di dalam perjalanan, maka (wajib ia puasa) beberapa (hari yang ketinggalan) itu di hari-hari yang lain; orang-orang yang biasa puasa tetapi dengan susah payah (orang tua, orang bunting, orang yang menyusui anaknya, yang selamanya bekerja berat yang tak kuat ia berpuasa – P.) itu, (kalau tidak puasa) wajib membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin (buat tiap-tiap hari yang ia tidak puasa) tetapi barang siapa menderma lebih (kalau ia beri makan dua orang atau lebih) dengan sukanya sendiri, maka iaitu baik buat dirinya (sendiri): dan puasa itu baik bagi kamu jika kamu mengetahui.” (184)

Bulan Ramaḍān yang padanya (mulai) diturunkan Qur’an sebagai suatu pimpinan bagi manusia dan sebagai penunjuk jalan dan pembeza yang kurang terang. Oleh sebab itu, barang siapa antara kamu melihat bulan itu, hendaklah ia puasa, dan barang siapa sakit atau di dalam perjalanan, maka (wajib ia puasa)

beberapa (hari yang ketinggalan) itu di hari-hari yang lain (kerana) Allah hendak (memberi) keringanan bagi kamu, dan tidak hendak (membuat) keberatan atas kamu, dan (ia hendak) supaya kamu sempurnakan bilangan itu, dan supaya kamu mengagungkan Allah, lantaran ia telah memberi pertunjuk kepada kamu dan supaya kamu menerima kasih (kepada-Nya).

Empat perkara-perkara besar itu ialah:

1. Puasa selama sebulan Ramaḍān: setiap tahun dalam bulan Ramaḍān hendaklah berpuasa kecuali bagi orang-orang yang mendapat keringanan kerana sakit, musafir dan sebagainya yang mengharuskan mengganti puasanya atau dengan membayar fidyah seperti yang diberi pertunjuk oleh syariat kepada kita.
2. Turunnya al-Qur’ān dalam bulan Ramaḍān. Bukan pada Ramaḍān tahun Hijrah sahaja tetapi dalam bulan Ramaḍān empat tahun lebih dahulu daripada itu dan pada 8 Ramaḍān lagi sesudah itu. Tetapi yang dimaksud permulaan Qur’an diturunkan adalah bulan Ramaḍān. Di samping itu pada bulan Ramaḍān tahun dua Hijrah tersebut al-Qur’ān itu

turun seperti biasa, antara lain diturunkan-Nya ayat-ayat puasa ini (sūrat al-Baqarah 183-188 dan sūrat al-A'ālā ayat 14-15): yang maksudnya: “Sesungguhnya telah menanglah orang yang membersihkan dirinya (mengeluarkan zakat fitrahnya) dan menyebut nama Tuhannya lalu mengerjakan sembahyang.”

3. Semenjak selesai puasa (sebelum imam masuk mengerjakan sembahyang Aidil Fitri, umat Islam diwajibkan membayar zakat fitrah, untuk membayar zakat dirinya dan untuk membersihkan puasanya dan sebagainya, sebagaimana telah dikenal di dalam lembaran-lembaran kitab agama.
4. Mengucapkan takbir mulai matahari terbenam sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya, serta sembahyang Hari Raya pada pagi hari yang pertama setelah selesai umat melakukan puasa Ramaḍān iaitu sembahyang Aidil Fitri.

Allah dengan mendatangkan syariat puasa dan lain-lainnya yang terdiri daripada rangkai yang tersebut di atas, ialah bagi menyempurnakan perlengkapan agama Islam kepada umat Islam supaya mereka dapat menyesuaikan diri menjadi umat Islam yang kuat dan terpelihara sepanjang masa, tidak hanyut di dalam perjalanan sejarah dan tidak di bawah rendung perkembangan sejarah sebagaimana yang telah dirasai oleh lain-lain umat yang terkenal dalam sejarah.

Keempat-empat ikatan yang tersebut di atas dapat disimpulkan seperti di bawah ini:

1. Puasa

Maksud Tuhan mewajibkan puasa kepada umat

Islam terang dan jelas, disimpulkan Tuhan dalam sepatah kata sahaja iaitu:

“La'allakum tattaqūn”

(Maksudnya): “Supaya kamu terpelihara.” Yang dimaksud dengan terpelihara iaitu terpelihara diri daripada dibawa rundung oleh nafsu dan syaitan sehingga tidak dapat menyesuaikan diri dengan perintah-perintah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang dibawa oleh arus menentang dan membangkang perintah-perintah Tuhan serta mengancam segala larangan-Nya (melakukan segala tegahan-tegahan-Nya). Apabila diri sendiri dapat dipelihara daripada melalaikan perintah-perintah Tuhan dan dapat menjauhkan larangan-larangan Tuhan, dalam keseluruhannya, dengan sendirinya orang yang termasuk dalam golongan yang takut kepada Allah. Dengan demikian, takut kepada Tuhan itu berpokok kepada suatu sifat yang asas iaitu memelihara diri daripada melalai dan melupakan kewajipan-kewajipan sendiri dan memelihara diri daripada mengerjakan tegahan-tegahan Tuhan. Orang yang tidak mengerjakan kewajipan-kewajipan yang telah ditetapkan Tuhan tidak akan dapat disebut takut kepada Allah. Demikian juga orang yang tidak dapat memelihara diri daripada mengerjakan larangan-larangan Tuhan juga tidak dapat disebut orang yang takut kepada Tuhan. Untuk dapat menjadi orang yang takut kepada Tuhan, mustahak ada dua syarat: iaitu yang telah disebutkan di atas. Oleh sebab itu ada ulama-ulama dan ahli-ahli tafsir yang mengertikan *tattaqūn* dengan “orang yang terpelihara” iaitu terpelihara dari melalaikan perintah-perintah Tuhan dan terpelihara daripada melakukan larangan-larangan Tuhan. Dalam istilah lama orang yang demikian disebut bersifat “takut kepada Tuhan.”

Tafsiran itu benar juga, hanya hendaklah melalui beberapa masa, baharu orang dapat memahamkan maksud sebagaimana yang dimaksud.

Umpamanya, menurut pendapat berbagai ahli hikmah,

mengandung beberapa hikmah antaranya:

- (a) Menambah kekuatan jiwa kepada kebenaran.
- (b) Menambah kekuatan jiwa untuk menentang dan membangkang terhadap segala yang mungkar dan maksiat, sebagai hasil dari bekas-bekas yang ditinggalkan puasa dalam hati manusia. Ini dikuatkan oleh satu pertunjuk daripada suatu hadith yang maksudnya: “Puasa seperdua sabar.”

Maksudnya: “Orang yang telah mengerjakan puasa telah memiliki separuh daripada keseluruhan sabar yang ada kepada manusia. Maksud sabar di sini ialah kekuatan menderita dalam mengerjakan kebaikan atau menahan diri dari keadaan yang terpukul dari keluarganya. Dengan demikian umat Islam setiap tahun dilatih dengan suatu amalan yang bertujuan membaharui kekuasaan sabar yang telah tertanam bibitnya dalam dirinya; kalau kekuatan itu telah berkurang adalah dengan puasa itu dapat dipenuhi semula.

Ada ulama yang mengatakan puasa yang disyariatkan itu adalah sebagai satu kekuatan yang menggerakkan tenaga di dalam jiwa manusia. Kalau tenaga penggerak untuk mengerjakan kebaikan itu telah habis, seperti bateri yang habis apinya, maka dengan puasa ini jiwa kita yang kehabisan api dalam mengerjakan kebaikan dan untuk menentang segala kemungkaran itu dengan melakukan puasa, menurut peraturan Tuhan tak dapat tiada akan mendapat kekuatannya semula. Apabila kekuatan itu bagus, pada akhirnya puasa, jiwa kita menjadi api penggerak yang kuat cukup bagi persediaan setahun lamanya.

Akan tetapi kalau tambahan kekuatan itu tidak baik, tak cukup lama, atau tidak bagus masuk alirannya dan sebagainya maka penaja penggerak yang ada dalam diri kita itu tidak akan cukup kuat untuk

digunakan selama setahun.

Rasulullah (S.A.W) bersabda (maksudnya);

“Kerjakanlah puasa itu kerana tidak ada bandingnya dan tidak ada misalnya.”

Apakah yang diperbaiki puasa itu? Jawabnya tidak lain dari sepotong darah dalam tubuh manusia. Jika darah yang sepotong itu baik dan sihat maka akan menjadi baik dan sihatlah seluruh jasmani manusia dan sebaliknya manakala daging yang sepotong itu tidak baik dan tidak sihat akan rosaklah tubuh manusia itu. Tenaga puasa yang dikerjakan dengan sungguh-sungguh dapat memberi kekuatan baru yang cukup kuat untuk memelihara manusia sepanjang tahun bagi setiap manusia yang mengerjakannya. Manakala umat Islam ramai-ramai berpuasa dengan menurut tatatertibnya akan baiklah umat itu sepanjang masa adanya.

Dalam agama Islam puasa diadakan untuk kepentingan yang lebih yang di dalamnya mengandungi daya penarik pencegah di dalam tubuh setiap masa. Di samping itu ditambah lagi dengan beberapa tenaga yang tepat antaranya seperti berikut:

1. Membiasakan tiap-tiap manusia yang berpuasa itu takut kepada Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* dengan secara terbuka atau tertutup, di hadapan ramai atau di luar.
2. Memecahkan syahwat yang halal, yang biasa, syahwat makanan dan syahwat kejenisan. Orang yang telah membiasakan dirinya menahan syahwat yang halal sebagai latihan daripada Tuhan sebulan lamanya setiap tahun, tentu akan lebih sanggup lagi menahan syahwatnya yang haram dan terlarang adanya.
3. Melahirkan dan membiasakan perasaan kasih sayang dan cinta-mencintai sesama manusia,

terutama terhadap manusia-manusia yang lebih susah penghidupannya dan lebih menderita hidupnya, kerana puasa telah melahirkan erti haus dan lapar yang sebenarnya kepada dirinya, yang tidak akan dapat diketahui dengan tidak mengerjakan puasa seperti yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

4. Melahirkan persamaan antara orang kaya dengan orang yang miskin, antara orang fakir dengan orang yang berkuasa dan sebagainya. Persamaan itu dilahirkan oleh ibadah puasa, sehingga tidak ada kaya dan tidak ada yang miskin dalam pandangan puasa, semuanya dihauskan dan dilaparkan dan sebagainya.
5. Membiasakan umat Islam hidup teratur dalam berbuka, makan sahur serta lain-lainnya supaya teratur pula hidupnya di luar dan sesudah itu.
6. Melenyapkan¹ dan memusnahkan segala zat-zat lemak yang ada di dalam tubuh manusia memberi akibat daripada makan minum dan lain-lain yang terus-menerus sepanjang tahun dengan tidak berhenti-henti terutamanya sekali bagi peribadi-peribadi umat Islam yang senang dan cukup bahan makatannya², tidak melakukan pekerjaan berat dan sebagainya, dan lain-lain penyakit yang tidak dapat diubati oleh tabib, doktor dan sebagainya. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah (S.A.W) yang (maksudnya): “Berpuasalah kamu supaya kamu sihat.”

Ringkasnya, orang yang telah mengerjakan puasa

Ramaḍān, teratur dan sesuai dengan pengajaran Tuhan

dalam agama Islam, ia akan keluar bagi puasa itu dengan tubuh yang sihat, dan dengan jiwa baru yang kuat tidak akan gentar dan keluh kesah menghadapi segala macam kemungkinan dan perkembangan yang akan terjadi atas dirinya atau atas masyarakat di sekelilingnya. Demikianlah antara lain-lain hikmah puasa yang sangat perlu bagi umat Islam untuk kepentingan dan ketenteraman hidupnya sepanjang waktu.

2. Nuzul al-Qur’ān

Al-Qur’ān kitab bacaan yang menjadi panduan bagi kaum Muslimin seluruhnya sepanjang masa, dalam segala hal ehwalnya, bagi pertama kali diturunkan dalam bulan Ramaḍān juga. Bukan dalam bulan Ramaḍān tahun yang kedua Hijrah tetapi pada 17 Ramaḍān, dua belas tahun sebelum Hijrah iaitu pada waktu pertama kali Rasul menerima keangkatannya dan penetapannya menjadi rasul daripada Tuhan, pada Subuh Isnin 17 Ramaḍān di atas Bukit Nūr (Jabal Nūr) di Gua Hīrā’. Setelah itu, Qur’an terus-menerus diturunkan Tuhan dengan teratur selama dua puluh dua tahun, dua bulan dan dua puluh dua hari sehingga ia sempurna pada 9 Dhū al-Hijjah tahun 10H.

Yang diperlukan di sini ialah kebesaran bulan Ramaḍān semenjak awal nuzulnya juga pada bulan Ramaḍān tidak pula dilupakan bahawa semenjak nuzulnya yang pertama al-Qur’ān selalu turun pada setiap bulan Ramaḍān juga, sesuai dengan keterangan yang diberikan oleh pihak al-Qur’ān kepada kita. Antara lain daripada beribu-ribu keterangan dan cerita-cerita ringkas dapat kita ambil beberapa contoh bahawa al-Qur’ān telah mengubah manusia contoh dari alam kegelapan kepada alam terang dengan sukarela dan siap sedia menanggung semua bebanan-bebanannya. Daripada manusia-manusia yang seperti itu, terciptalah masyarakat besar yang terkenal dengan alam sesudah lahir Nabi Muhammad (S.A.W); di antaranya:

¹ Perkataan sebenar ialah melenyapkan.

² Perkataan sebenarnya adalah makanannya.

1. Terkecuali beberapa orang sahaja yang telah memeluk Islam dengan tidak ragu dan meminta berfikir, kerana percaya dan sangat tertarik akan peribadi Nabi Muhammad (S.A.W) iaitu seperti Saiyidina³ Khadījah, Abū Bakr, ‘Alī bin Abī Tālib, Zayd bin Hārithah dan beberapa orang yang lainnya yang terbatas, maka pada umumnya seluruh pemeluk Islam pada zaman Nabi telah masuk Islam kerana mendengar satu ayat atau lebih kurang kandungan al-Qur’ān itu. Keimanan mereka sama dengan menghadapi musuh dan berbagai-bagai kesusahan serta perlawanan dari pihak Musyrikin Arab, akan tetapi mereka tidak peduli dan tidak kkuatir barang sedikit jua pun sebab hati mereka telah disinari oleh al-Qur’ān. Yang demikian bertambah lagi manusia yang datang mendengar al-Qur’ān pada masa umat Islam sudah banyak dan teristimewa pada masa umat Islam telah menguasai diri dan negeri tempat mereka duduk.

2. Kisah suaminya Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, kisah orang Quraisy al-Walīd bin Mughīrah dan lain-lainnya itu menunjukkan betapa isi dan kekuatan yang ada di dalam al-Qur’ān, yang telah mengubah jalan sejarah peradaban manusia, sejak ia turun sampai dewasa ini dan demikian juga sampai hari ini.

Kemudian, keterangan-keterangan dari pihak al-Qur’ān sendiri dan dari pihak umat Islam amat banyak.

Demikianlah semenjak turunnya pertama kali dalam bulan Ramaḍān terus-menerus hingga sekarang, ia di dalam perjuangan menyuluh sekalian manusia dengan melalui jalan yang senang dan susah dengan menempuh berbagai-bagai pengalaman

yang pahit. Di samping itu hendaklah diketahui bahawa sebagaimana Nuzul al-Qur’ān itu tidak akan dapat difahamkan maksudnya dengan tidak kesungguhan hati dan sebagainya demikian juga umat Islam sepanjang masa tidak akan dapat apa-apa darinya dengan tidak memberikan perhatian yang penuh dan kemahuan yang sangat. Jasmani dan rohani manusia yang sedang berpuasa seperti puasa Ramaḍān ini adalah ukuran yang baik dan sesuai bagi manusia yang ingin benar menampung baik pertunjuk dan hidayah al-Qur’ān yang diturunkan Tuhan untuk menolong dan menyelamatkan sekalian manusia.

Hingga sekarang al-Qur’ān itu masih dalam keadaan baik, isi dan kandungannya tidak berubah. Yang berubah dan berbeza-beza hanyalah manusia yang menerima pengajaran dan pertunjuknya. Yang tidak berusaha dan tidak bersedia tentu tidak mendapat hasil daripanya.

3. Zakat Fitrah

Di samping amalan-amalan besar yang tersebut di atas itu pada penutup bulan Ramaḍān sekalian umat Islam yang mukallaf yang tidak ada halangan, sejak tahun 2H. diwajibkan mengeluarkan segantang tamar atau *sha’ir* dan ada hadith Rasulu llah (S.A.W) yang mengatakan (maksudnya):

“Rasulullah telah memfardukan zakat fitrah dari bulan Ramaḍān segantang tamar atau segantang *sha’ir* atas orang yang hamba, merdeka lelaki dan wanita, kecil dan besar dari kaum Muslimin.”

Hikmah zakat fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa dan berdosa dan kesalahan perkataan dan perbuatan yang berpuasa, untuk menolong orang fakir dan miskin, berdasarkan suatu hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dawud, Ibn Mājah, dan al-Dāraqutnī dari Ibn ‘Abbās yang (maksudnya):

³ Perkataan sebenar ialah Saiyidatina.

Rasulullah (S.A.W) telah memfardukan zakat fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa daripada kesalahan perkataan atau perbuatan dan menjadi makanan bagi orang-orang miskin. Sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang (Hari Raya) maka ia menjadi zakat yang dapat diterima dan barang siapa yang menunaikannya sesudah sembahyang maka ia menjadi sejenis daripada sedekah.

Dengan adanya peraturan ini, maka tidaklah ada orang Islam yang akan kelaparan pada Hari Raya Aidil Fitri itu.

Benar, zakat fitrah itu hanya sedikit sahaja iaitu satu gantang beras untuk tiap-tiap jiwa akan tetapi oleh kerana kebanyakan kaum Muslimin terdiri dari orang-orang yang miskin dan mereka telah membayarnya adalah membayarnya itu sangat berat buat mereka. Hanya perintah agama yang menyebabkan mereka tidak menghitung tenaga dan sebagainya untuk memperoleh benda pembayaran dan membelakangkan yang lain-lain. Jumlah zakat fitrah itu bukan sedikit, andai dijumlahkan seluruh umat Islam dalam dunia, ternyata jumlah yang sangat besar benar dan semuanya harus diperedarkan pada Hari Raya Aidil Fitri itu. Yang demikian maka kemakmuran dan kegembiraan hidup beragama terdapat di mana-mana, yang tidak ada bandingannya di dalam lingkungan manusia.

4.Solat Aidil Fitri

Yang keempat, setelah genap sebulan puasa dan setelah membayar zakat fitrah, kaum Muslimin umumnya keluar mengerjakan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri. Sembahyang Aidil Fitri ini maksudnya sesuai dengan firman Allah: “*Wa litukabbirū Allāha ‘alā mā hadākum*”. Maksudnya: “Supaya kamu membesarkan Allah yang telah memberi pertunjuk kepada kamu.” Membesarkan Allah yang telah memberi pertunjuk kepada kita setelah selesai Ramaḍān, antara lain membaca takbir dan mengerjakan sembahyang Aid, sesuai dengan suatu hadith Rasulullah (S.A.W) yang berasal dari Ja‘afar bin

Muḥammad, dari ayahnya dan dari neneknya bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) memakai purdah sejenis pakaian Yaman pada tiap-tiap Aid.

Demikian juga beberapa hadith lain yang menganjurkan supaya memakai pakaian yang terbaik dan bau-bauan pada ketika sembahyang Hari Raya dan Rasulullah sendiri menyediakan pakaian yang khusus dipakainya untuk sembahyang Hari Raya Fitrah, Aidil Adha dan Jumaat.

Semuanya ini menghendaki tenaga dan pengorbanan, yang melahirkan satu kebudayaan khusus bagi seluruh kaum Muslimin di seluruh dunia yang menyebabkan umat Islam mempunyai bentuk hidup tersendiri, yang membezakan kebudayaannya dari segala agama, mazhab dan adat istiadat golongan-golongan yang lain.

Itulah sebagai sumbangan kepada pembaca-pembaca yang budiman dalam masa kita menyambut puasa, Nuzul al-Qur’ān, mengeluarkan zakat dan mengerjakan solat Aidil Fitri semoga keadaan kita lebih baik dan lebih diredai Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā – Amīn yā Rabba al-‘Ālamīn*.

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (*register*) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14.